



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(44)

Tarikh : 25 Januari 2013

## SIARAN MEDIA

### DANA RM13.6 JUTA DARI KERAJAAN BAGI PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI DESA AMAN

**Pulau Pinang, 25 Januari 2013** – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan majlis penyerahan kunci kepada pembeli projek perumahan Desa Aman, Mukim 13, Daerah Timur Laut Pulau Pinang pada pagi ini. Projek ini berjaya dipulihkan setelah terbengkalai sejak Disember 2005 dengan suntikan dana sebanyak RM13.6 juta dari Kerajaan. Kontraktor penyelamat Patsifit Construction Sdn. Bhd. telah berjaya menyiapkan projek ini dalam masa 18 bulan bermula pada 22 Jun 2011 hingga 22 Disember 2012. Projek perumahan ini juga telah diberikan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 28 Disember 2012. Projek Desa Aman ini sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2003 telah dihentikan selepas pemaju projek asal Bina Nusa Sdn. Bhd. menghadapi masalah kewangan dan pengurusan.

Projek yang dibina atas tanah milik 10 orang tuan tanah ini merangkumi rumah pangsa 20 tingkat dan rumah pangsa 10 tingkat. Pada 17 Mei 2010, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

di kalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan. Patsifit Construction Sdn. Bhd telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat pada 15 April 2011. Pembayaran kepada kontraktor hanya dilaksanakan setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO).Majlis pada pagi ini turut dihadiri oleh pegawai kanan KPKT, Jabatan Perumahan Negara, Patsifit Construction Sdn. Bhd, Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd dan pembeli rumah.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)